

## **CATATAN BULAN NOVEMBER 2004**

:: 18 November 2004 :: Khamis ::

Assalamualaikum,

Salam perkenalan kepada mereka yang baru mengenali diri ini. Dalam salam pengembalian kepada mereka yang mungkin pernah membaca CSP: Kembara Siber untuk sepanjang tahun 2003 yang lalu. Ini adalah CSP yang kedua (version 2).

CSP ini masih mengekalkan konsepnya, iaitu untuk mengembara ke alam siber (terutamanya alam ilmu) yang luas ini. Cuma, bezanya saya tidak ingin berjanji untuk menulis setiap hari, memandangkan terlalu banyak kerja yang menanti di pejabat. Apatah lagi dengan ketiadaan kemudahan internet dan talian telefon di rumah saya (kawasan perumahan baru yang masih belum mendapat kemudahan talian telefon dari TELEKOM) memaksa saya mencuri-curi masa untuk menulis catatan ini.

CSP ini masih bertujuan untuk mengilmukan dunia internet ini dengan Bahasa Melayu, dan memperbanyakkan ruang pembacaan di dalam Bahasa Melayu di dalam internet. Juga, sebagai satu platform kepada saya untuk memasyarakatkan beberapa budaya yang saya amalkan iaitu Penyelidikan, Pembacaan, Penulisan dan Pengembaraan. Mungkin CSP v. 2 ini masih lagi tampak ringkas, dan memang ini niat saya. Meringkaskan penulisan, tetapi mencapai objektif penulisan ini. Insha Allah, dengan bermulanya kembali CSP v. 2, ia dapat mendisplinkan semula budaya penulisan saya yang lalu. Bertemu lagi, wassalam.

:: 22 November 2004 :: Isnin ::

Pulang ke kampung sempena raya, sememangnya mengundang 1001 kenangan. Apatah lagi setelah hampir setahun lebih tidak pulang, dan berada di luar negara pula untuk tempoh tersebut. Kalau setahun yang lepas menyambut raya di Edinburgh, Scotland, tahun ini berkesempatan raya di kampung sendiri.

Setelah sebulan pulang ke Malaysia, saya berkesempatan berpuasa di sini, dan juga telah berjaya membuat reunion sahabat-sahabat seuniversiti dulu. Juga, pada raya ketiga, saya dan keluarga berkesempatan juga mengikuti Perjumpaan Raya Geng Jurnal Utara yang telah diadakan di Sungai Petani. Walaupun tak lama di situ, memandangkan anak-anak yang mula meragam mahu pulang, tetapi pada kesempatan itu juga telah menemukan saya dengan beberapa nama yang tidak asing dalam Geng Jurnal seperti Mat Jan, P-Nut, Kelambu, Tokei Pajak, Purbe, EP dan ramai lagi (tak ingat nama).

Cadangnya mahu juga buat reunion untuk sahabat-sahabat sekolah lama, tetapi tak kesempatan. Mungkin boleh dibuat nanti di KL. Sememangnya puasa dan raya tahun ini amat bermakna kepada saya.

:: 24 November 2004 :: Rabu ::

Assalamualaikum,

Untuk 2 hari yang lepas saya menghadiri satu seminar bertajuk PASSIVE DESIGN CONSIDERATIONS IN THE BUILT ENVIRONMENT yang telah diadakan di UIA. Seminar ini sememangnya banyak manfaat dan tambahan ilmu kepada saya, lebih-lebih lagi sebagai tambahan ilmu penyelidikan.

Seminar ini mengandungi 27 kertas kerja yang dibentangkan selama 2 hari ini. Insya Allah kupasannya akan saya bincangkan di dalam cspinovasi. Yang menariknya seminar ini adalah kerana ia hasil daripada kajian-kajian bersama kumpulan penyelidik dari Malaysia dan Jepun. Kumpulan penyelidik ini dikenali sebagai JSPS-VCC Group (Japanese Society for the Promotion of Science - Vice Chancellor Committee Cooperative Programme). Antara kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan adalah seperti berikut:

:: Environmental Control for Comfortable Sleeping, Considering Both Physiological Responses of Human Body and Influence of Heat and Moisture Transfer in Bedding :: Phenomenological Approach in Determining Responses of Hospitalized Children Experiencing a Garden :: The Association Between Landscape Design Elements and Human Activities in Hot Humid Outdoor Urban Spaces, Case Studies in Kuala Lumpur City :: Linkages between Feng Sui and Outdoor Thermal Comfort Considerations ::

:: 30 November 2004 :: Selasa ::

Pada hari Khamis dan Jumaat yang lepas, saya berkesempatan pula mengikuti satu kursus multimedia menggunakan Flash MX, yang diadakan di waiz (bersebelahan dengan pejabat KRU di Setiawangsa).

Walaupun sebelum ini saya pernah mempelajari sendiri Flash, dan menghasilkan e-dapur, tetapi dengan mengikuti kursus ini secara formal, maka dapat memperdalamkan lagi pengetahuan saya mengenai perisian ini.

Anda dijemput untuk melihat hasil cubaan saya menggunakan perisian Flash yang pernah saya hasilkan sekitar setahun yang lepas (ketika itu, isteri saya sedang sarat mengandung Ajmal Hadi - anak saya yang kedua).

Mungkin dengan penambahan ilmu ini, nanti akan saya cuba update kan kembali e-dapur dalam versi kedua. Dan mungkin tahun depan pula, ingin saya sambung pengajian kursus ini untuk kursus lanjutan Flash MX.

Insya Allah.